

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 29 Julai 2021 12:59
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pra Lawatan AACSB PRT Bantu UUM Pacu Kecemerlangan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 JULAI 2021 / 19 ZULHIJAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

PRA LAWATAN AACSB PRT BANTU UUM PACU KECEMERLANGAN



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah menyertai sesi perbincangan bersama AACSB Peer Review Team (PRT) yang diketuai Pengerusinya, Prof. Hirokazu Kono menerusi Webex dari Bilik Mesyuarat Naib Canselor, semalam.

Sesi tersebut adalah sempena pra lawatan AACSB PRT secara maya yang diadakan selama dua hari dari 28 hingga 29 Julai.

Naib Canselor berkata, beliau berbesar hati di atas komitmen Prof. Hirokazu Kono untuk mengadakan pra lawatan secara maya ini bagi memudahkan usaha UUM untuk memacu kecemerlangan selaras dengan misi UUM melahirkan pemimpin holistik untuk berkhidmat kepada komuniti global.

Menurutnya, misi tersebut didukung enam teras dalam Pelan Strategik UUM iaitu Academic Excellence, Research Excellence, Sustainable Community and Industrial Engagement, Financial Sustainability, Service Excellence dan Holistic Graduates dengan berlandaskan 25 Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

Pada sesi itu, Naib Canselor berkongsi tentang pelaksanaan agenda Universiti Untuk Masyarakat atau University for Society (U4S) yang dipacu Kementerian Pengajian Tinggi berdasarkan *'Redesign University Higher Education: University, Industry and Community Engagement'* dan juga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PT) 2015-2025 yang mana *'Quadruple Helix Engagement Model'* menjadi paksi utama kepada konsep U4S itu.

Katanya, dalam Pelan Strategik Fasa 3 (2021-2025), UUM turut memberikan penekanan kepada kesan masyarakat seperti yang terdapat dalam teras 3 iaitu 'Sustainable Community and Industrial Engagement'.

"Selain itu, kita juga bangga menunjukkan peningkatan berterusan dalam QS World University Ranking 2022 apabila disenaraikan di kedudukan 511-520. Untuk mengekalkan kecemerlangan di peringkat dunia ini adalah satu cabaran besar kepada UUM, namun kita akan terus meletakkan jenama UUM ini di arena antarabangsa dengan bekerjasama dengan institusi berprofil tinggi yang lain seperti menjalinkan kerjasama dengan sekolah perniagaan yang telah memperoleh akreditasi AACSB, EQUIS dan AMBA iaitu Montpellier Business School (MBS), Perancis untuk menawarkan program ijazah berganda.

"Saya percaya UUM kini berada di landasan yang betul untuk mencapai kecemerlangan, namun pada masa sama masih berharap Prof. Hirokazu Kono dapat memberikan tunjuk ajar dan cadangan penambahbaikan terutamanya berkaitan AACSB ini," katanya.

Dalam pra lawatan AACSB PRT selama dua hari ini diadakan sesi pembentangan Laporan Continuous Improvement Review (CIR) mengikut sembilan standard AACSB yang telah ditetapkan.

Sesi ini turut disertai Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor UUM COB, Dekan-dekan Pusat Pengajian di bawah UUM COB, Pengarah Unit Akreditasi AACSB, Prof. Madya Dr. Arpah Abu Bakar, Ketua Pusat Tanggungjawab, Pengurus dan Staf Unit Akreditasi AACSB.

UUM mendapat akreditasi AACSB pada tahun 2016 dan dijadualkan untuk lawatan PRT pada Oktober hingga November 2021.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



BACHELOR



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.